

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 31/ 01/ 2008

Perdagangan

Pentadbiran Malaysia setaraf negara maju

LAPORAN *World Competitiveness Yearbook* yang dikeluarkan oleh IMD iaitu sebuah institusi pengajian perniagaan di Switzerland yang mengkategorikan Malaysia sebagai kerajaan yang tergolong di kalangan negara terbaik dunia dari segi kecekapan di tangga keenam menggambarkan kejayaan kerajaan masa kini menadbir dan membangunkan negara.

Hasil laporan yang dikeluarkan bagi negara-negara melebihi populasi 20 juta tersebut diumumkan oleh Perdana Menteri sewaktu berucap menyampaikan amanat beliau kepada 3,000 kakitangan awam pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kelapan (Mappa VIII) 2008 di Putrajaya.

Berasaskan kepada tahap kecekapan kerajaan masa kini, negara membangun telah dilihat mendahului negara-negara lain termasuk negara maju sendiri. Dengan China di tangga pertama, sementara India dan Taiwan di tangga keempat dan kelima, seterusnya Malaysia yang merupakan satu-satunya negara di Dunia Islam menduduki tangga keenam.

Kedudukan Malaysia kini merupakan satu peningkatan terbaik berbanding kedudukan kelapan pada 2000. Pada masa yang sama juga Malaysia diletakkan di

tangga keempat dari segi kecekapan perniagaan pada 2007 berbanding kedudukan ke-13 pada 2000.

Selain laporan oleh *World Competitiveness Yearbook* tersebut, kejayaan Malaysia turut sama dilihat menerusi laporan Sekretariat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang mengiktiraf peranan besar negara kita dalam sumbangannya terhadap perkembangan ekonomi global. Negara kita disenaraikan sebagai negara ekonomi perdagangan yang ke-19 terbesar dunia. Pencapaian sejak 50 tahun merdeka menunjukkan bahawa Malaysia kini sedang di landasan yang kukuh bagi menjayakan matlamat negara maju menjelang tahun 2020.

Ini sekali gus menggambarkan bahawa inovasi kerajaan di negara membangun termasuk Malaysia adalah seiring dengan kepesatan maklum balas terhadap pembangunan dunia sejagat. Kedudukan enam terbaik dunia jauh melepasi indeks di negara-negara lain maju termasuk Britain yang satu masa dahulu menjajah Malaysia suatu ketika dahulu.

Pengumuman yang dilakukan oleh Profesor Stephane Garelli secara keseluruhannya tanpa mengambil kira asas 20 juta penduduk, telah juga menunjukkan

UM - 31/1/2008
bahawa Malaysia dari segi tahap daya saing negara 2007 berada pada kedudukan ke-23 daripada keseluruhan 55 negara yang dikategorikan terbaik.

Dalam senarai tersebut, Malaysia mendahului Jepun, Belgium, Perancis, Korea Selatan malahan negara-negara jiran ASEAN lainnya seperti Thailand dan Indonesia serta Filipina dengan perolehan 74.091 mata. Kedudukan Malaysia di tangga ke-23 tersebut adalah dinilai dengan mengambil kira 323 kriteria.

Pencapaian ini menunjukkan bahawa pasaran Malaysia merupakan di antara terbaik ASEAN dan juga dunia. Ini kerana di kalangan negara ASEAN, Singapura menduduki tangga kedua dengan 99.121 mata diikuti Malaysia (74.091 mata), Thailand di tangga ke-33 (57.758 mata), Filipina pada kedudukan ke-45 (47.163 mata) dan Indonesia ke-54 (37.41 mata).

Laporan yang menunjukkan pencapaian positif Malaysia dilihat mampu merangsang keyakinan di kalangan para pelabur untuk terus menjadikan negara ini sebagai destinasi dan hab pelaburan terpenting Asia dan juga dunia. Antara unsur-unsur yang membolehkan Malaysia mendapat kedudukan terbaik adalah didorong oleh usaha-usaha kerajaan yang

dilihat cenderung kepada pembangunan serta sentiasa memberikan insentif kepada para pelabur untuk meneroka pasaran negara.

Pengiktirafan yang diterima oleh Malaysia menggambarkan bahawa sejak pilihan raya pertama sehingga kini, kerajaan Barisan Nasional mendapat mandat besar. Kini dengan pencapaian berterusan, kerajaan dijangkakan akan terus mendapat mandat besar rakyat seperti yang ditegaskan bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir. Keupayaan kerajaan membendung kemiskinan pada paras 3.5 peratus berbanding 5.7 pada 2004 serta penurunan kadar kemiskinan tegar dari 1.2 peratus (2004) kepada hanya 0.7 peratus pada tahun lepas menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa peka dalam usaha memajukan negara selaras dengan matlamat Wawasan 2020 serta mencapai tahap seperti yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menerusi Matlamat Pembangunan Milenium.

- MD. SHUKRI SHUIB
Jabatan Pengajian
Antarabangsa, Kolej Kerajaan,
Undang-Undang dan Pengajian
Antarabangsa, UUM, Kedah.